

Lelaki mengaku miliki pisau di tempat awam kena lima tahun

Tertuduh melakukan kesalahan itu di sebuah sekolah rendah di Serian

Oleh Hafizah Abdul Hamid

KUCHING: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara lima tahun berserta satu sebatan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah memiliki sebilah pisau di tempat awam, iaitu di sebuah sekolah rendah di Serian, tanpa tujuan sah.

Hakim Jason Juga menjatuhkan hukuman tersebut terhadap Awang Zulkipli Awang Ojei, 44, yang didakwa mengikut Seksyen 6 (1) Akta Bahan Kakisan, Letupan dan Senjata Berbahaya 1958.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lima tahun serta tidak melebihi 10 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh didakwa melakukan kesalahan tersebut sekitar jam 2 petang di tempat letak kereta sekolah terbabit pada 26 November 2025.

Fakta kes mendedahkan seorang guru lelaki (pengadu) dimaklumkan oleh rakan sekerjanya mengenai tindakan lelaki tidak dikenali (tertuduh) yang mengetuk kereta milik pengadu.

Pengadu kemudian berge-

gas menuju ke tempat letak kereta dan melihat tertuduh berjalan sambil membawa sebilah pisau.

Kehadiran tertuduh menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan murid serta guru di sekolah terbabit dan oleh itu, laporan polis dibuat untuk tindakan selanjutnya.

Semasa tangkapan dibuat, polis turut merampas sebilah pisau pendek hasil pandu arah tertuduh.

Malah, hasil siasatan polis mendapati tertuduh telah membawa pisau tersebut tanpa kebenaran sah di tempat awam, manakala saksi-saksi kejadian turut membuat pengesanan positif terhadap tertuduh.

Semasa prosiding, tertuduh merayu supaya hukuman penjara bagi kes ini dijalankan secara serentak dengan hukuman penjara tujuh bulan yang sedang dijalaninya ketika ini.

Tertuduh pada 11 Disember 2025 dijatuhi hukuman penjara tersebut untuk kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, iaitu penyalahgunaan dadah jenis Amphetamine dan Methamphetamine.

Timbalan Pendakwa Raya



KE PENJARA: Tertuduh (kanan) diiringi pegawai penjara setelah selesai dijatuhkan hukuman, semalam.

Mohamad Aiman Mutallib Mohamad Shariff bagaimanapun memohon supaya mahkamah menjatuhkan hukuman berbentuk pencegahan dengan mengambil kira sifat, tahap keseriusan serta kekerapan kesalahan tersebut.

Beliau turut memohon agar hukuman penjara yang dikenakan berkuat kuasa pada tarikh sabitan iaitu semalam, memandangkan tertuduh kini

berdepan pertuduhan lain yang berbeza sifat daripada kesalahan terdahulu.

Selepas mengambil kira beberapa faktor, antaranya tahap keseriusan kesalahan, kepentingan awam, rayuan pengurangan hukuman tertuduh serta tempat kesalahan itu dilakukan, Hakim Jason mengarahkan hukuman penjara bagi tertuduh untuk dikuatkuasakan mulai semalam.